UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

THE World University Rankings 2023 TOP 1501+
TOP 128 UI GreenMetric
MDEC Premier Digital Tech Institution
THE IMPACT RANKINGS 2022 TOP 101-200
MyRA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama,
Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Copyright © Pioneering Educational Perspectives: Series 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the publisher.

e-ISBN : 978-967-0033-31-0

Published date: 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Preface

Pioneering Educational Perspectives: Series 2025 is a collection of thought-provoking insights and research contributions exploring contemporary educational trends and practices. This eBook presents a diverse range of perspectives on innovative teaching methodologies, digital learning strategies, and transformative approaches in education. Designed to serve as a resource for educators, researchers, and practitioners, it aims to inspire meaningful discussions and advancements in the field. Through carefully curated chapters, this publication offers fresh ideas and practical solutions to enhance learning experiences in an ever-evolving educational landscape.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

EAT SABAH AUTHENTIC 160
Sairah Saien[1,*] & Sylvia Nabila Azwa Ambad[2] 160
PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH eREPORT V2.0 (MyPROJLOG) 164
Noorashikin Binti Mustafa[1]*, Haslina Binti Tawyer[2] & Irma Binti Maaman[3] 164
PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN APLIKASI WEBWISENOTE SEBAGAI SUMBER RUJUKAN BERPUSAT 168
Irma Binti Maaman[1,*], Noorashikin Binti Mustafa[2] & Haslina Binti Tawyer[3] 168
INNOVATIVE APPROACHES TO RESTAURANT OPERATIONS: USING CLOUD-BASED POS IN EDUCATION 172
Nurshayzwani binti Abd Samad[1,*] 172
AR-GREENBUILDING 176
Haleefa Mahmood[1]*, Eddie Rosman Abdul Jalil[2], Mazni Kasbolah[3], Hasnul Hariz Marzuki[4] & Maihani Shariff Fudin[5] 176
PROMOTING SUSTAINABLE EDUCATIONAL INCLUSIVITY THROUGH OFFLINE DIGITAL LEARNING 180
Najmi Najiha Mohd Zaid[1]*, Nur 'Izzah Mohammad Shuhaimi[2], Ai'syah Abd Mutalib[3], Nurul Adawiyah Mohamad Johdi[4] & Marina Mohamad Amir[5] 180
ED-STAT: OPTIMIZING TEACHING AND LEARNING OF INTRODUCTION TO STATISTICS 184
Muhammad Zulkhairi Zakariah[1,*], Akmal Shafiq Badarul Azam[2], Muhammad Shahimi Ariffin[3], Muhammad Anas Abdul Razak[4] & Mohd Zuhaili Kamal Basir[5] 184
I-POTTY PRO: EMPOWERING PRESCHOOL CHILDREN'S TOILET INDEPENDENCE THROUGH ENGAGING DIGITAL SUPPORT 188
Noor Amiera Alias[1,*], Masne Kadar[2], Farahiyah Wan Yunus[3], Katie Cremin[4] & Nurul Ku Harmila[5] 188
AG LEX FACILI: LAW OF AGENCY MADE EASY 192
Zuramaznum Sainan[1], Nasreen Miza Hilmy Nasrijal[2,*] & Baharuddin Alias[3] 192
E-MODUL KURSUS ASAS BAHASA ISYARAT MALAYSIA (EM-KABIM) 196
Vestly Kong Liang Soon[1,*], Pollie Lim Poh Yue[2], Norazlin Binti Mohd Rusdin[3], Kway Eng Hock[4] & Grace Annammal A/P Gnana Piragasam[5] 196
EzLy-DReAM: A DUAL-OPTION DIGITAL RECORDING ASSESSMENT METHOD FOR THE SUSTAINABLE USE OF PRE-INSTALLED AUTO-TRACKING CAMERAS IN CLASSROOMS 200
Norliawati Mohd Sidek[1,*], Nur Aina Zaimul Khalil[2], Nur Hayani Zaimul Khalil[3], Nur Aqilah Ghazali[4] & Puteri Lailatul Aqashah Mohd Rosdi[5] 200
MIM SAKINAH 101 204
Murihah Abdullah[1,*], Izzat Rafiq Burhanudin[2], Muhammad Najibullah Mohamed Suhami[3], Affan Badrol Hisham[4] & Nor Farhah Saidin[5] 204
FLASH3R 208
Ra Flora anak Raban[1,*], Dora anak Aling[2], Radzi bin Tajudin[3], Pollie Lim Poh Yue[4] & Vestly Kong Liang Soon[5] 208

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

MIM SAKINAH 101

Murihah Abdullah[1*], Izzat Rafiq Burhanudin[2], Muhammad Najibullah Mohamed Suhami[3], Affan Badrol Hisham[4] & Nor Farhah Saidin[5]

[1,2,3,4]*Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,Universiti Pendidikan Sultan Idris*
[5]*Jabatan Sains Komputer dan Teknologi Digital, Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris*

**Corresponding author: murihah@fsk.upsi.edu.my*

ABSTRAK
Hukum Mim Sakinah (مْ) merupakan sebahagian hukum asas dalam bidang tajwid dan termasuk dalam silibus yang diperkenalkan kepada murid yang berada di peringkat sekolah rendah dan menengah. Walaubagaimanapun, kesalahan dalam bacaan al-Quran lazim berlaku khususnya pada Mim Sakinah (مْ) masih berlaku samaada dalam kalangan remaja mahupun dewasa. Mim Sakinah 101 merupakan inovasi hukum tajwid bagi topik Mim Sakinah (مْ) yang dibangunkan dengan gabungan tiga (3) perisian iaitu *Microsoft Powerpoint*, *Genially*, dan *Chatbase.* Perisian ini mengandungi tiga (3) komponen iaitu a) penerangan konsep asas hukum Mim Sakinah (مْ) *(content)*; b) pentaksiran kendiri menggunakan kuiz; serta c) soal jawab interaktif berkenaan hukum Mim Sakinah (مْ) secara *real-time*. Secara umumnya, perisian Mim Sakinah 101 sesuai untuk digunakan kepada seluruh lapisan masyarakat, khususnya kepada murid yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi matapelajaran Maharat al-Quran. Pembinaan perisian Mim Sakinah 101 diharapkan memberi implikasi kepada proses pembelajaran hukum Mim Sakinah (مْ) menjadi interaktif melalui pelbagai medium sekaligus menarik minat murid dalam mempelajari hukum tajwid.

KATA KUNCI: Inovasi, Tajwid, Hukum mim sakinah, Interaktif, Maharat al-Quran

MASALAH DAN OBJEKTIF

Penggunaan perisian multimedia interaktif sebagai bahan bantu mengajar semakin meluas dalam pengajaran dan pembelajaran masa kini. Tujuan utama pembinaan perisian Mim Sakinah 101 ialah membina dan menyediakan pembelajaran digital dan interaktif dalam hukum tajwid khususnya dalam hukum Mim Sakinah (مْ).

Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam bidang tajwid dalam bentuk buku, kad imbas (*flashcards*) mudah dijumpai di pasaran, namun bagi BBM dalam bentuk digital masih lagi terhad. Sedangkan, keperluan digital kepada generasi pada masa kini adalah penting dan menjadi komponen utama dalam kehidupan seharian.

Objektif bagi pembinaan Mim Sakinah 101 ialah:

1. Membantu pelajar mengenalpasti dan memahami hukum Mim Sakinah (مْ) pada ayat al-Quran.
2. Menjalankan pentaksiran kendiri hukum Mim Sakinah (مْ) menerusi kuiz dan soal jawab interaktif
3. Membina perisian multimedia interaktif sebagai bahan bantu mengajar dan pembelajaran kendiri

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

PENERANGAN REKA BENTUK

Perisian Mim Sakinah 101 dibina dan membincangkan hukum Mim Sakinah (مْ) secara khusus. Terdapat tiga (3) komponen dalam perisian Mim Sakinah 101, iaitu a) penerangan isi kandungan hukum Mim Sakinah (مْ); b) pentaksiran kendiri; serta c) soal jawab interaktif berkaitan Mim Sakinah (مْ).

Pada komponen pertama, pengguna boleh mempelajari konsep asas hukum Mim Sakinah (مْ) yang melibatkan definisi, cara bacaan, dan sebagainya. Komponen ini dibina menggunakan *Microsoft Power Point.* Audio dan video yang bersesuaian berkenaan hukum Mim Sakinah (مْ) disediakan bagi rujukan pengguna.

Pada komponen kedua, pembangun perisian menggunakan *Genially* sebagai platform pentaksiran kendiri untuk mengenalpasti hukum Mim Sakinah (مْ) yang telah dipelajari. Manakala pada komponen ketiga, pengguna boleh bersoal jawab secara *real-time* sekiranya masih terdapat kesukaran terhadap pengetahuan konsep asas hukum Mim Sakinah (مْ). Komponen ini dibangunkan menggunakan *Chatbase.*

Perisian ini menggunakan dua (2) bahasa sebagai pengantara, iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Pada bahagian audio pula, pembangun menggunakan suara sebenar bagi mendapatkan kualiti audio yang terbaik. Tulisan yang digunakan pula jelas dan kontra warna yang bersesuaian bagi memudahkan navigasi


Di samping itu, target pengguna kepada perisian Mim Sakinah 101 ialah murid yang mengikuti pembelajaran hukum tajwid, khususnya murid yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi matapelajaran Maharat al-Quran. Walaupun begitu, disebabkan hukum tajwid merupakan asas dalam pendidikan al-Quran, maka perisian ini turut boleh digunakan pelbagai lapisan masyarakat.

VISUAL



Gambar 1 : Muka hadapan dan kandungan penerangan tentang hukum Mim Sakinah (مْ)

e-ISBN: 978-967-0033-31-0



Gambar 2 :Paparan soal jawab interaktif menggunakan CHATBASE untuk menyediakan jawapan kepada soalan-soalan yang ditanya murid berkenaan dengan tajuk. Tekan di sini untuk melihat laman web ini.



Gambar 3: Paparan kuiz dan latihan bagi pelajar untuk melakukan pentaksiran kendiri. Tekan di sini untuk lihat.

NOVELTI DAN KEUNIKAN

Keunikan perisian Mim Sakinah 101 dapat digambarkan dalam senarai berikut:

a) Perisian boleh digunakan berulang-kali (multiple times)
b) Perisian boleh digunakan tanpa memasang perisian (install)
c) Perisian boleh digunakan oleh beberapa pengguna dalam tempoh yang sama
d) Pengguna boleh mengemukakan soalan dan dapat berinteraksi secara real-time
e) Pembelajaran hukum Mim Sakinah (مْ) boleh dilakukan di luar waktu kelas formal secara fleksible

MANFAAT

Perisian Mim Sakinah 101 membantu pengguna meningkatkan penguasaan hukum Mim Sakinah (مْ) secara spesifik serta memperkayakan pengalaman pengguna dalam mempelajari hukum tajwid menerusi perisian yang menyeluruh. Perisian ini juga memberi implikasi kepada pengguna bahawa pembelajaran tajwid turut boleh dipelajari dengan pendekatan digital yang interaktif, dan tidak terhad kepada pendekatan tradisional.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

POTENSI KOMERSIAL

Perisian Mim Sakinah 101 berpotensi untuk dipasarkan kepada pelbagai pihak termasuk institusi pendidikan dan pusat pembelajaran al-Quran, ibu bapa, dan golongan profesional yang ingin mempelajari hukum Mim Sakinah (مْ) secara kendiri. Selain itu, perisian ini telah melalui proses penilaian dari aspek isi kandungan *(content)* dan juga kebolehgunaan. Maklum balas yang diterima semasa proses penilaian digunakan untuk memperbaiki mutu perisian dan seterusnya memenuhi kehendak dan cita rasa pengguna.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Mim Sakinah 101 merupakan inovasi dalam pembelajaran bidang tajwid khususnya hukum Mim Sakinah (مْ) yang mengetengahkan elemen digital dan interaktif kepada pengguna. Berdasarkan kelebihan yang telah dibincangkan, hasil inovasi ini dapat dijadikan sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bidang tajwid.

RUJUKAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (Maharat al-Quran) Tingkatan 2.* Kuala Lumpur: Telaga Biru

Surul Shahbudin al-Nadwi (2016). *Perbahasan Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafz 'An 'Asim Melalui Toriq asy-Syatibiyyah.* Kuala Lumpur: Pustaka Salam